

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA

PERTANYAAN : **BUKAN LISAN**
DARIPADA : **DATUK ROZMAN BIN ISLI**
KAWASAN : **LABUAN**
TARIKH : **3 OGOS 2017**
NO. SOALAN : **513**

SOALAN

YB Datuk Rozman Bin Isli [Labuan] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan apakah langkah proaktif Kementerian dalam menggalakkan lebih banyak penyertaan usahawan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) bagi mencapai matlamat negara berteraskan keusahawanan khususnya dalam Zon Perdagangan Bebas Digital bagi mendepani cabaran Industri 4.0.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi meningkatkan penyertaan syarikat-syarikat tempatan khususnya perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dalam inisiatif eDagang, satu Pelan Strategik Hala Tuju eDagang Kebangsaan telah dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri pada 13 Oktober 2016. Pelan ini mengandungi 6 teras utama iaitu:

- i) mempercepatkan penggunaan eDagang oleh PKS;
- ii) meningkatkan penggunaan ePerolehan oleh syarikat;
- iii) mengurangkan sekatan bukan tarif (eFulfillment domestik, eDagang merentas sempadan, ePembayaran, perlindungan pengguna);

- iv) menyelaraskan semula insentif ekonomi sedia ada;
- v) membuat pelaburan strategik kepada syarikat eDagang terpilih; dan
- vi) mempromosi jenama negara bagi meningkatkan eDagang merentasi sempadan.

SME Corp. Malaysia telah diberi tanggungjawab melaksanakan salah satu daripada 6 teras tersebut iaitu meningkatkan tahap penggunaan eDagang dalam perniagaan PKS melalui 3 aktiviti utama iaitu:

- i) program kesedaran mengenai kepentingan eDagang;
- ii) memberi latihan kepada PKS berasaskan modul yang bersesuaian bagi penggunaan eDagang; dan
- iii) mewujudkan satu portal maklumat eDagang untuk PKS.

MITI melalui SME Corp. Malaysia dan Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) juga sedang bekerjasama dengan Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC) bagi menggalakkan penyertaan PKS dalam "Digital Free Trade Zone" (DFTZ) yang telah dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri pada 22 Mac 2017.

MITI menyasarkan nilai industri eDagang mampu ditingkatkan menjadi RM211 bilion menjelang tahun 2020 berbanding hanya RM68 bilion pada tahun 2016. SME Corp Malaysia juga menjangkakan 1,500 PKS akan menyertai DFTZ pada tahun ini dan 8,000 penyertaan lagi pada tahun 2018. Antara inisiatif yang ditawarkan untuk membantu PKS bersaing dalam DFTZ adalah:

- i) **Business Accelerator Programme (BAP) oleh SME Corp. Malaysia** yang bertujuan untuk membantu pertumbuhan PKS secara menyeluruh dan bersepadu yang merangkumi empat komponen utama iaitu:

- penilaian diagnostik bagi mengenal pasti prestasi semasa dan keupayaan perniagaan;
 - pemberian khidmat nasihat perniagaan dan cadangan pelan tindakan untuk meningkatkan keupayaan PKS;
 - pelaksanaan aktiviti penambahbaikan oleh PKS; dan
 - penyediaan bantuan kewangan dan akses kepada pembiayaan.
- ii) **Online Business Financing (OBF)** oleh **SME Bank** yang bertujuan untuk menyediakan kemudahan pembiayaan kepada usahawan perniagaan atas talian untuk meningkatkan kemampuan mereka.

Pada masa yang sama, MITI juga sedang merangka Dasar Negara dan strategi bagi menggalakkan PKS mengguna pakai teknologi Industri 4.0. Beberapa program '*outreach*' bagi menyebarkan maklumat dan potensi Industri 4.0 kini sedang giat dijalankan. Selain daripada itu, SME Corp. Malaysia juga akan memperkenalkan beberapa program baharu bagi membantu PKS menerima dan menggunakan teknologi baharu ini.

Sekian, terima kasih

RT36/514

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN BERTULIS : DATUK ROZMAN BIN ISLI
DARIPADA [LABUAN]

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Datuk Rozman Bin Isli [Labuan] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah statistik terkini yang direkodkan berkaitan kes buli di sekolah dan institusi pengajian tinggi (IPT) dan apakah langkah proaktif Kementerian dalam mengatasi masalah buli secara lebih efektif.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Berikut adalah jumlah murid yang melakukan salah laku buli di sekolah di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) yang direkodkan dalam Sistem Sahsiah Diri Murid bagi tahun 2012 hingga 2017:

Tahun	Jumlah Murid	Peratus Murid
2012	4159	0.08
2013	4120	0.08
2014	2906	0.06
2015	3011	0.06
2016	3448	0.07
2017 (Jan-Jun)	1054	0.02

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) tidak pernah memandangi ringan kes gejala buli di sekolah. Setiap kes yang berlaku telah diambil tindakan sewajarnya, sama ada peringkat sekolah mahu pun pihak mahkamah melalui Polis Diraja Malaysia (PDRM). KPM berusaha menangani buli melalui mekanisme pencegahan, penguatkuasaan peraturan sekolah, intervensi kepada mangsa dan kerjasama padu dengan semua pihak yang berkepentingan serta bersedia membantu agensi berkaitan memantapkan perundangan berkaitan kes juvenil di luar sekolah.

Dari segi penguatkuasaan peraturan sekolah, Jawatankuasa Disiplin Sekolah berperanan menjalankan siasatan dan mencadangkan hukuman atau langkah intervensi kepada pentadbir sekolah. Semua guru merupakan guru disiplin dan bertanggungjawab membentuk sahsiah murid di samping membudayakan konsep sekolah penyayang. Pihak sekolah turut mengadakan Mesyuarat Permuafakatan Sekolah melibatkan PPD, PIBG, Polis, ibu bapa terlibat dan pihak berkepentingan yang lain. Hukuman keras seperti rotan dan buang sekolah merupakan langkah akhir bagi menjaga ketenteraman sekolah.

KPM telah menjalinkan kerjasama padu dengan pihak luar bagi mengatasi isu disiplin murid termasuk buli. Melalui Strategi Lautan Biru (NBOS), Program Remaja Berwawasan dilaksanakan dengan kerjasama Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan PDRM. Melalui program ini, murid berisiko tinggi akan diberikan latihan menggunakan khidmat kepakaran pegawai tentera dan polis.